

03/11/1997

Kempen tanam pokok kurang berkesan

Rahman Hashim

MELAKA, Ahad - Beberapa kerajaan negeri dikesan tidak memberi kerjasama bagi menanam pokok di kawasan perbandaran masing-masing, dan menyebabkan kempen menanam pokok yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed Mac lalu, kurang berkesan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata Jabatan Lanskap Negara sudah diberi tanggungjawab merancang dan melaksanakan projek itu dengan kerjasama kerajaan negeri dan penguasa tempatan.

Beliau berkata, sebelum ini, semua kerajaan negeri sudah diberi jumlah pokok yang perlu ditanam tetapi apa yang berlaku, sesetengah kerajaan negeri tidak begitu aktif melaksanakan rancangan itu.

"Dr Mahathir begitu mengambil berat terhadap kempen ini, bukan saja untuk menanam pokok malah menjadikan Malaysia sebagai negara dalam taman menjelang 2005," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis ulang tahun ke-20, Persatuan Buddha Melaka, di sini, malam tadi.

Bagaimanapun, ketika ditanya, Dr Ting enggan memberitahu kerajaan negeri terbabit dan menjelaskan tindakan itu dianggap 'kurang baik' kerana kementerian memerlukan kerjasama semua kerajaan negeri bagi menjayakan kempen itu.

Dr Ting berkata, kerajaan berharap dapat menanam tiga juta pokok menjelang tahun 2000 dan ia berdasarkan kepada andaian bahawa 15 peratus penduduk di negara ini menanam pokok.

Katanya, jika 15 peratus penduduk negara ini menanam pokok, kerajaan berharap dapat menghasilkan 20 juta pokok pula menjelang 2020.

Beliau berkata, kegiatan menanam pokok itu, secara tidak langsung juga membantu menghidupkan bumi di negara ini, selain melindungi alam sekitar.

"Kerajaan juga sudah bersetuju menjadikan 3 Mac setiap tahun sebagai tarikh menanam pokok seluruh negara," katanya.

Untuk memastikan kempen ini berjaya, Dr Ting berkata, semua kerajaan negeri dan majlis penguasa tempatan diminta memberi kerjasama, termasuk memberi maklum balas kepada kementerian.

Menurutnya, Jabatan Lanskap Negara sudah diarah mendapatkan laporan daripada kerajaan negeri, sekurang-kurangnya enam bulan sekali, termasuk jumlah pokok yang ditanam serta masalah yang dihadapi.

Dr Ting berkata, 72 peratus daripada kawasan negara ini dilitupi tumbuhan hijau serta pelbagai jenis pokok dan daripada jumlah itu, 58 peratus adalah jenis pokok asam dan selebihnya pokok bunga.

Menurut beliau, walaupun 72 peratus kawasan negara ini dilitupi hutan dan tumbuhan hijau, jumlah itu belum mencukupi dan orang ramai, terutama kerajaan negeri perlu lebih proaktif untuk menanam lebih banyak pokok.

"Jabatan Lanskap sudah menyediakan garis panduan mengenai jenis pokok yang sesuai ditanam untuk tujuan komersil serta cara mengekalkan pokok yang ada untuk semua jabatan," katanya.

Beliau berkata, mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), kementerian menerima peruntukan RM200 juta dan sebahagian daripada jumlah itu akan digunakan untuk projek lanskap.

(END)